

15 AUG 2000

Syed Hamid-Palestin/I

M'SIA MAHU OIC BANTU CARI PENYELESAIAN KEPADA MASALAH PALESTIN

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan meminta mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Teheran pada 20 Ogos ini untuk mencari satu penyelesaian kepada masalah Palestin, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Kita akan menyatakan pendirian pada mesyuarat itu dan meminta negara anggota untuk memulakan langkah bagi mengakhiri konflik antara Palestin dan Israel secara aman," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek AS\$100,000 masing-masing kepada wakil serantau UNHCR, Rene Van Rooyen, bagi pelarian Kosovo dan Chechnya.

Beliau juga mengulangi pendirian Malaysia untuk menyokong penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka yang akan diisytiharkan pada 13 Sept ini.

"Ini termasuk Baitulmuqaddis kerana kita berpendapat bahawa wilayah itu tidak harus dibahagikan," katanya, dengan merujuk kepada pertelagahan di antara kedua-dua pihak berhubung kawasan itu.

Syed Hamid ditanya mengenai lawatan singkat yang dirancangan oleh Presiden Palestin Yasser Arafat di sini hari ini. Arafat kini dalam rangka lawatan ke 18 buah negara untuk mendapatkan sokongan bagi penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka.

Beliau juga menggesa Israel supaya menggunakan suasana aman yang wujud sekarang untuk mencari satu penyelesaian yang saksama kepada masalah itu.

"Ia merupakan satu peluang yang baik bagi mereka untuk mengakhiri masalah itu menerusi rundingan," katanya.

Rundingan di antara Arafat dan Perdana Menteri Israel Ehud Barak di Kem David di Amerika Syarikat bulan lepas gagal berikutan perbezaan pendapat berhubung status Baitulmuqaddis.

Arafat telah berikrar untuk mengisytiharkan sebuah negara merdeka selepas tarikh akhir 13 Sept sama ada menerusi satu perjanjian damai atau sebaliknya.

Mengenai lawatan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew ke negara ini, Syed Hamid berkata tidak ada agenda tetap bagi pertemuan di antara Lee dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada petang ini.

"Tidak ada agenda tetap bagi pertemuan dua hala itu...dan saya tidak mahu membuat spekulasi mengenai apa-apapun," katanya ketika ditanya sama ada sebarang isu tertunggak di antara kedua-dua negara akan dibangkitkan.

Lee tiba di sini semalam untuk lawatan empat hari, lawatan kerjanya yang pertama ke Malaysia selepas menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Goh Chok Tong kira-kira satu dekad yang lalu.

-- BERNAMA

SR AZZ AKD